

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Ir. Shaharuddin bin Ismail [ Kangar ]**

**TARIKH : 22 Mac 2016**

**SOALAN : Ir. Shaharuddin bin Ismail minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah jaminan Kerajaan agar tidak berlaku ketirisan daripada "Program MyBeras" bagi setiap keluarga miskin tegar dan apakah jenis tindakan yang bakal diambil oleh Kerajaan terhadap pembekal sekiranya wujud ketirisan supaya bantuan beras ini dapat diterima oleh golongan yang memerlukan terutamanya warga Perlis ratanya adalah golongan berpendapatan rendah.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang DiPertua,**

Dalam pengubahsuaian Bajet 2016 pada 28 Januari 2016, Kerajaan memperkenalkan program MyBeras iaitu bantuan beras kepada golongan miskin tegar di mana setiap keluarga miskin tegar yang berdaftar akan dibekalkan dengan 20 kilogram beras setiap bulan. Ini merupakan satu langkah, sehingga Disember 2016, untuk mengurangkan bebanan hidup keluarga miskin.

Program MyBeras adalah melibatkan senarai keluarga miskin tegar yang berdaftar di bawah eKasih, iaitu Bank Data Kemiskinan Nasional yang disahkan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.

Pelaksanaan Program MyBeras diselaraskan melalui Jawatankuasa Induk Penyelaras dan Pelaksanaan MyBeras (JK Induk MyBeras) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian ini dan dianggotai oleh wakil-wakil Kementerian dan agensi pusat yang berkaitan, termasuk Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat dan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri serta Wakil Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI) dan Wakil Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak (MOMA).

Bagi memastikan pengedaran MyBeras sampai ke kumpulan sasaran, Kementerian telah melantik Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sebagai agensi pelaksana utama pengedaran MyBeras melalui

Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Semenanjung manakala MAFI dan MOMA sebagai Penyelaras Pusat Pengedaran masing-masing di Sabah dan Sarawak.

Kementerian juga telah melantik Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pengampitan dan pengedaran MyBeras ke pusat-pusat pengedaran yang ditetapkan oleh LPP, MAFI dan MOMA. BERNAS akan melaksanakan pengampitan dan pengedaran mengikut perjanjian program yang termeterai dengan Kementerian. Di dalam perjanjian berkenaan, BERNAS boleh melantik mana-mana pemborong berlesen yang berkeupayaan melaksanakan pengampitan dan pengedaran MyBeras, termasuk koperasi-koperasi.

Melalui mekanisme yang telah disebutkan tadi, Kementerian akan memastikan supaya program ini mencapai objektifnya di dalam membantu golongan miskin tegar mendapatkan bekalan beras.

Program ini memerlukan sedikit lagi masa bagi Kementerian untuk menyemak senarai penerima supaya dapat dipastikan hanya mereka yang layak sahaja yang akan diberi bantuan. Sehubungan itu, Kerajaan memutuskan supaya Program MyBeras dilaksanakan bermula Mei 2016, bagi memberi masa yang secukupnya kepada Kementerian melaksanakan penyelarasan bersama agensi-agensi pusat yang lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Kemajuan Orang Asli. Penyelarasan ini penting supaya tiada mana-mana kumpulan rakyat yang sewajarnya dibantu dalam mendapatkan beras ini tercicir.

Pelaksanaan program ini di Sabah dan Sarawak juga memerlukan perancangan yang menyeluruh dengan mengambilkira keadaan

topografi dan taburan penerima bantuan di Sabah dan Sarawak yang memerlukan perancangan logistik yang rapi.

Persediaan ini termasuk mengenalpasti kategori penerima sama ada bantuan diberikan dalam bentuk beras ataupun secara tunai bergantung kepada kesesuaian dan kos-kos pengedarannya.

Perlaksanaanya yang bermula Mei 2016 juga adalah supaya program ini tidak dipolitikkan, terutamanya menjelang pilihanraya negeri Sarawak yang dijangka pada April 2016.

Hasrat Kerajaan bagi program MyBeras adalah ingin membantu golongan yang benar-benar memerlukan bantuan beras. Kementerian juga akan melanjutkan pelaksanaannya sehingga Februari 2017.

Sekian, terima kasih.